

Empat emas jadi sasaran Persisi

BERITA HARIAN, 22 August 2002, Page 17

Article also available on Microfilm Reel NL24708

Printer-Friendly Page

Empat emas jadi sasaran PersisiOLEH **YUSOFF A. RAHMAN****EMPAT emas.**

Itulah sasaran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) setelah menamakan 10 pesilatnya untuk bertarung dalam medan Sukan Asia Busan, Korea Selatan, yang akan berlangsung hujung bulan depan.

Dalam kejohanan tersebut, pendekar negara memenangi lima pingat emas, empat perak dan satu gangsa.

Para pesilat lain yang terpilih dalam rombongan Singapura ialah Zulfakar Ramli (Kelas C), Noor Rafili Ramli (Kelas E), Yusoff Shah Kamarudin (Kelas F), Imran Abdul Rahman (Kelas G).

Lima lagi adalah pesilat dalam acara seni. Mereka ialah Zahid Saaban (tunggal), Rashid Hanif, Abdul Rahman Anwar, Hafizul Arham Suhaimi (regu) dan Alya Osman (tunggal).

Senarai nama pesilat ini telah diumumkan oleh Pengarah Teknikal Persisi, Sheik Alauddin Yaacob, setelah mendapat pengesahan daripada presidennya, Abdullah Shafie Sidik.

"Seperti dalam Kejohanan Asia-Pasifik, kami telah menggariskan matlamat berusaha memena-

Menurutnya, harapan Singapura masih tertumpu kepada pesilat bersaudara, Zulfakar dan abangnya, Rafili.

Kecuali kedudukan Yazid Arifian, penyertaan sembilan pesilat lain tidak mengejutkan kerana masing-masing telah mengharumkan Singapura dalam Kejohanan Pencak Silat Asia-Pasifik baru-baru ini.

Yazid, yang bertarung dalam Kelas A, kecundang dalam perlawanan pertama tetapi mendapat tempat dalam rombongan Singapura kerana potensinya dan juga kerana Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) meminta Singapura mengemukakan seorang peserta Kelas A.

ngi sekurang-kurangnya empat pingat emas dalam sukan ini," jelas Sheik sambil memberitahu latihan skuad nasional akan diteruskan pada 26 Ogos ini.

Selain itu, Singapura juga bergantung kepada Imran dan tiga pesilat yang membentuk regu Singapura dalam acara seni, Rashid Hanif, Abdul Rahim Anwar dan Hafizul Arham dan juga Alya Osman.

“Para pesilat ini telah memenangi pingat emas dalam acara masing-masing. Dalam acara tanding, tentunya kami bergantung kepada Zulfakar, Rafili dan Imran sementara dalam acara seni, perhatian lebih kepada acara regu.

pura telah menunjukkan kemajuan pesat. Selain memenangi pingat emas dalam Kejohanan Asia-Pasifik lalu, tiga serangkai itu juga mengukir kejayaan dalam Kejohanan Malaysia,” Sheik menambah.

“Tiga pesilat yang membentuk regu Singa-

Silat dipertandingkan dalam Sukan Asia sebagai acara pertunjukan dan dijangka disertai oleh sekurang-kurangnya 15 buah negara.

“Tiga pesilat yang membentuk regu Singapura telah menunjukkan kemajuan pesat. Selain memenangi pingat emas dalam Kejohanan Asia-Pasifik lalu, tiga serangkai itu juga mengukir kejayaan dalam Kejohanan Malaysia.”

— Pengarah Teknikal Persisi, Sheik Alauddin Yacoob.



Harapan emas: Tiga pesilat Singapura, (dari kiri) A. Rahim Anwar, Hafizul Arham Suhaimi dan Rashid Hanif, yang membentuk sebuah regu dalam acara seni telah memenangi dua emas dalam kejohanan antarabangsa.

FOTO: M.O. SALLEH